

Impian kita jadi negara maju cepat hampir musnah — PM

KUALA LUMPUR 5 Mei — Impian Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dalam masa yang singkat hampir musnah apabila kira-kira setahun lalu, harga kesemua barang-barang komoditi ke luaran negara ini telah merosot dengan banyaknya, kata Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Bercakap semasa mempengerusikan Persidangan Selatan-

Selatan Kedua di sini, beliau berkata, Malaysia merupakan salah sebuah negara membanjung yang telah bersedia untuk menjadi sebuah negara maju apabila negara ini telah menyusun strategi bagi mengatasi pusingan turunnya harga barang-barang komoditi.

Perdana Menteri menjelaskan, dalam penyusunan strategi itu, andaian dibuat bahawa sebarang penurunan

harga barangan komoditi akan melibatkan satu jenis barangan komoditi saja.

"Kami tidak menyangka kesemua harga barangan komoditi akan turun, tetapi itulah yang berlaku sekarang dan lebih teruk lagi, kami tidak mempunyai harapan sebarang pemulihan," ujar beliau.

Hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir telah mempengerusikan pem-

bentangan dan perbincangan kertas kerja oleh Setiausaha Agung Komanwel, Sir Shridath Ramphal, bertajuk "Masanya Untuk Selatan Berfikir."

Kata Perdana Menteri, Malaysia telah cuba untuk mengurangkan pergantungannya terhadap negara-negara utara (negara-negara maju) dengan merancang untuk memilik penduduk seramai 70 juta bagi membolehkan wu-

judnya pasaran bagi barang-barang industri.

"Cadangan kita untuk memeranatkan Bank Dunia kerana telah mengeluarkan belanja bagi mengurangkan penduduk dunia. Pada kami, negara-negara seperti China dan India memang sepatutnya mengurangkan penduduk mereka tetapi bagi Malaysia, kita patut tambahkan penduduk," ujar beliau.

Menurut beliau, pertambahan penduduk di negara ini adalah perlu untuk menampung barang-barang buatan tempatan kerana ketika hendak membuat barang-barang industri, alasan yang dibuat oleh pakar-pakar dari negara maju ialah pasaran negara ini kecil.

Tunggu

"Semasa kita hendak membuat kereta sendiri, mereka kata, kita perlu menjual 100,000 buah kereta setahun untuk mendapatkan keuntungan, tapi masa dahulu, mereka kata kita hanya perlu menjual 50,000 buah kereta setahun dan apabila kita

tunggu lagi untuk ketika yang lain, mereka memberitahu, kita perlu menjual 500,000 buah kereta setahun, ini merupakan perlumbaan yang tidak berkesudahan," ujar beliau.

Oleh sebab itu, katanya, negara ini tidak mahu menunggu untuk membuat kereta dan apabila sekarang Malaysia telah dapat membuat kereta, harga barang-barang komoditipun merosot yang mana tidak diberitahupun oleh negara-negara maju sebelum ini.

Menyokong

Kertas-kerja Sir Ramphal itu telah diulas oleh Dr. Anton Vratusa, Encik L.K Jha, Encik Michael Manley dan Encik Amir Jamal.

Dalam ulasan - ulasan mereka itu, kesemuanya menyokong cadangan Datuk Sri Dr. Mahathir supaya diadakan suruhanjaya selatan - selatan untuk menyelaras usaha kerjasama selatan - selatan. Di antara mereka juga menyokong penubuhan Bank Selatan - Selatan bagi pembiayaan projek-projek negara-negara dunia ketiga.